




Berita PESUTM

Berita Persatuan Pesara Universiti Teknologi Malaysia

Berita ini dinamakan "**Berita PESUTM**". Penamaan nama ini selari dengan hasrat berita ini menjadi wadah penyampaian maklumat kepada ahli berhubung aktiviti yang dilakukan PESUTM. **Berita PESUTM** ini diterbitkan secara tak tetap, iaitu keperluan penerbitannya disandarkan betapa pentingnya sesebuah program yang dianjurkan itu perlu diuar-uarkan kepada ahli. Oleh sebab itu, kaedah penomboran bilangan dicatatkan secara berturutan dalam bulan /tahun. Selain itu, terbitan **Berita PESUTM** ini hanya dalam bentuk digital.



AHLI JAWATANKUASA & BIRO PESUTM 2023-2025

YANG DIPERTUA

Prof. Emeritus Dato' Dr. Ahmad Darus (012-722 7429)

TIMBALAN YANG DIPERTUA

Tuan Haji Salleh Mohamad (016-733 2345)

SETIAUSAHA

Saudara Roslan Abd Ghani (019-712 4394)

PENOLONG SETIAUSAHA

Haji Ansar Sidek (019-656 5205)

BENDAHARI

Haji Jamaludin Harun (019-778 2613)

PENOLONG BENDAHARI

Dr. Hafizah Harun (017-682 4772)

BIRO SERANTA

Haji Khalid Mazlan (019-734 8735) | **Ketua**

Haji Bakri Mohd Dahlan (017-790 4489)

Gik Siti Zaiton Borham (019-365 7356)

BIRO KEBAJIKAN & SOSIAL

En. Muhamad Saad Sulaiman | **Ketua**

Haji Zainal Abidin Hassan (019-756 5751)

Puan Abrizah Abd. Rahim (017-700 1600)

Puan Ramlah Husin (019-780 0244)

En. Abdul Wahab Laberahimah

En. Razali Jantan

BIRO KHIDMAT PROFESIONAL

Haji Ismael Samat (012-707 8574) | **Ketua**

Haji Zainul Rashid Abu Bakar (013-773 6563)

Puan Kasuma Masjuriah B. Basar (019-713 1743)

Prof. Emeritus Dr. Ahmad Kamal Idris (019-728 8000)

Haji Md Noh Main

En. Mohd Sofian Mohd Amran

Haji Abdul Razib Haji Shahuddin

Puan Faridah Hussein

En. Abdul Hadi Othman

En. Othman Adun

SKUDAI | 21 Januari 2024

MESYUARAT KHAS PERSEDIAAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PESUTM KALI KE-13

Lazimnya menjelang bulan Januari-Februari setiap tahun, Persatuan Pesara mula memikirkan dan merencanakan pelan perancangan bagi mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Pesara UTM yang perlu dibuat secepat mungkin setelah berakhirnya tahun kewangan tetapi tidak lewat daripada 31 hb Mac setiap tahun, iaitu selaras dengan peruntukan yang digariskan dalam Perlembagaan Persatuan Pesara UTM merujuk Fasal 7 Pecahan (c).

Atas keperluan ini, pada 21 Januari 2024 (Ahad) satu Mesyuarat Khas Persediaan Mesyuarat Agung Persatuan Pesara Kali Ke-13 telah diadakan. Mesyuarat khas ini dihadiri 12 ahli termasuk Yang DiPertua PESUTM, Prof. Emeritus Datuk Dr. Ahmad Darus yang mempengerusikan mesyuarat. Sebelas ahli yang dimaksudkan hadir terdiri daripada Haji Salleh Mohamad, Prof. Emeritus Dr. Ahmad Kamal Idris, Saudara Roslan Abd Ghani, Haji Khalid Mazlan, Haji Ismael Samat, Haji Muhamad Saad Sulaiman, Haji Zainal Abidin Hassan, Puan Abrizah Abd. Rahim, Puan Ramlah Husin, Haji Zainul Rashid Abu Bakar, dan Haji Bakri Mohd Dahlan.

Dalam mesyuarat ini rentas perbincangan mengarah kepada membuat persediaan bagi mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Pesara Kali Ke-13. Selain memenuhi tuntutan perlembagaan, agenda yang digariskan mencakupi soal; tarikh akan diadakan, tempat berlangsung mesyuarat, tetamu kehormat yang merasmikan, agenda atur cara mesyuarat, jenis menu, pembekal menu, batas harga menu, AJK bertanggungjawab, teks ucapan Yang DiPertua, bahan pembentangan Setiausaha, penyata kira-kira persatuan bagi tahun lalu yang belum diaudit tahun semasa, laporan kewangan Bendahari, jurukamera dan elaun, tarikh surat notis peringatan mesyuarat kaedah menghantar notis dan bahan mesyuarat hinggalah kepada perkara lain yang difikirkan patut diberi perhatian..

